



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN PELAJAR-PELAJAR BERUMUR 12 HINGGA 17 TAHUN

Khamis, 4 November 2021 – Sebagai mempertingkatkan usaha dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini, Kementerian Pendidikan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam Program Vaksinasi kepada mereka yang berusia 12 hingga 17 tahun yang majoritinya adalah terdiri dari golongan pelajar.

Pada hari ini, 28 Rabiulawal 1443 bersamaan 4 November 2021, dengan kerjasama dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan sukacita memaklumkan mengenai **Program Vaksinasi Kebangsaan (PVK) Bagi Pelajar Berumur 12 hingga 17 Tahun**.

Sepertimana yang telah diberigakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebelum ini, semua kanak-kanak berumur di antara 12 hingga 17 tahun yang menetap di Negara Brunei Darussalam adalah layak untuk menerima vaksin COVID-19, iaitu vaksin yang diluluskan di negara ini untuk digunakan oleh kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke atas. Program ini akan bermula pada hari Isnin, 8 November 2021 bagi pelajar-pelajar berusia antara 12 hingga 17 tahun di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sekolah-sekolah swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa.

Seramai 38,201 orang pelajar di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berumur 12 hingga 17 tahun akan menjalani program ini. Golongan Pelajar ini adalah dari:

- i. Sekolah-sekolah Kerajaan, sekolah-sekolah swasta, Institusi Pendidikan Tinggi dan pelajar-pelajar berkeperluan khas di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, dan
- ii. Sekolah-sekolah Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama

Program vaksinasi ini akan dijalankan di keempat-empat daerah:

- i. Di Daerah Brunei-Muara, program ini akan dijalankan di empat lokasi, iaitu:
 - Stadium Tertutup
 - Universiti Brunei Darussalam
 - MRS Bolkiah (Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei)
 - Pusat Kesihatan Jubli Emas, Bunut

- ii. Di Daerah Tutong pula, program ini akan diadakan di Dewan Seri Kenangan, Pekan Tutong
- iii. Bagi Daerah Belait, program vaksinasi akan dilaksanakan di:
 - *Learning Centre*, Hospital Suri Seri Begawan; dan
 - *Panaga Health Clinic*
- iv. Manakala di Daerah Temburong, program ini akan dilaksanakan di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Pekan Bangar.

Sehubungan perkara ini, pihak Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Sekolah-Sekolah serta Institusi-Institusi Pendidikan Swasta dan Sekolah Antarabangsa bagi menyediakan jadual untuk memudahkan pihak sekolah, pelajar dan ibu bapa serta penjaga untuk hadir ke pusat-pusat vaksinasi tersebut pada hari dan masa yang telah ditetapkan.

Perincian mengenai penjadualan tarikh dan waktu bagi sekolah-sekolah dan peringkat pelajar yang akan mendapat vaksinasi akan dimaklumkan melalui pihak sekolah masing-masing dan juga dimuat naik ke laman web dan platform-platform media sosial Kementerian Pendidikan.

Selain itu, semasa pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan Pelajar ini nanti, pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Sekolah-Sekolah Swasta dan Antarabangsa akan menugaskan pegawai dan guru-guru pengawas untuk mengiring dan bekerjasama dengan pihak petugas di lokasi-lokasi vaksinasi yang telah ditetapkan. Namun pada masa yang sama pihak Kementerian Pendidikan akan memastikan jumlah keramaian petugas ini nanti adalah mengikut peraturan yang berkuatkuasa di pusat-pusat vaksinasi tersebut.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Pendidikan memohon kerjasama para ibu bapa dan penjaga-penjaga yang akan menemani anak-anak mereka pada tarikh vaksinasi nanti untuk memberikan kerjasama semasa Program Vaksinasi Kebangsaan Pelajar berjalan khususnya dalam menepati waktu kehadiran sebelum sesi vaksinasi bermula dan juga mematuhi segala keperluan keselamatan yang ada. Pihak Kementerian juga menyeru kerjasama ibu bapa dan penjaga dalam memastikan anak-anak mereka mengambil sarapan atau makanan sebelum hadir ke pusat vaksinasi.

Kementerian Pendidikan berharap Program Vaksinasi Kebangsaan Pelajar ini akan berjalan dengan lancar dan selamat demi mendokong hasrat negara dalam mengekang penyebaran pandemik dan mencapai kadar kawalan yang dihasratkan.

Kementerian Pendidikan juga berharap dengan kerjasama serta berkat doa dari ibu bapa dan penjaga, usaha ini nanti akan dapat melindungi dan menghindari anak-anak daripada COVID-19 dan seterusnya membolehkan mereka untuk hadir ke sekolah apabila sekolah-sekolah dibuka secara berperingkat nanti.

Di kesempatan ini, Kementerian Pendidikan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan guru-guru pengawas yang sama-sama bertugas untuk mengiring, serta ibu bapa dan penjaga di atas kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran Program Vaksinasi Kebangsaan ini.

Untuk sebarang rujukan mengenai program ini, para ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar boleh merujuk kepada sekolah masing-masing atau merujuk saluran rasmi Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan sama ada melalui laman sesawang atau pun media sosial Kementerian berkenaan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/84

Tarikh: 28 Rabiulawal 1443H / 4 November 2021M